



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**SEMPENA:
PROGRAM RAMAH MESRA
YAB PERDANA MENTERI
BERSAMA WARGA KETENGAH**

**TARIKH:
21 OKTOBER 2022**

**LOKASI:
PEKARANGAN KOMPLEKS SUKAN,
BANDAR SERI BANDI, KEMAMAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Keluarga Malaysia.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama di Pekarangan Kompleks Sukan, Bandar Seri Bandi, Kemaman pada pagi ini bagi menjayakan Program Ramah Mesra YAB Perdana Menteri Bersama Warga KETENGAH.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob atas kesudian hadir pada pagi ini.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada agensi penganjur iaitu KETENGAH atas kejayaan penganjuran program pada pagi ini.
4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran penduduk Wilayah KETENGAH khususnya dari Daerah Kemaman ini. Terima kasih kerana sentiasa setia bersama-sama memberi sokongan kepada program-program pembangunan KPLB.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KPLB

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Sebagai sebuah kementerian yang dipertanggungjawabkan dalam meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia di kawasan pendalaman dan luar bandar secara menyeluruh dan berkesan, Kerajaan telah meletakkan tiga mandat yang utama kepada kementerian ini.

6. Mandat yang pertama adalah memastikan kawasan luar bandar mempunyai prasarana yang menyeluruh iaitu dengan memastikan kampung-kampung mempunyai akses kemudahan asas di samping mempunyai kemudahan jalan perhubungan ke kawasan bandar.

7. Manakala mandat kedua adalah mandat keusahawanan. Mandat kedua ini adalah bagi memperkukuh ekonomi luar bandar kesejahteraan masyarakat. Melalui mandat kedua ini KPLB akan memastikan taraf hidup masyarakat luar bandar dipertingkatkan melalui pembangunan ekonomi komuniti yang berimpak tinggi dalam usaha mensejahterakan masyarakat luar bandar sekaligus membasmi isu kemiskinan di kawasan berkenaan.

8. Seterusnya mandat yang terakhir adalah mandat membangunkan modal insan luar bandar secara komprehensif dalam mempertingkatkan peluang pendidikan bermula dengan pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke peringkat institusi pendidikan tinggi.
9. Sebagai menteri yang bertanggungjawab, saya akan memastikan mandat yang saya sebutkan sebentar tadi dilaksanakan dengan sebaiknya bagi memastikan Keluarga Malaysia di luar bandar dapat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran negara sebagaimana mereka yang berada di bandar.

SUMBANGAN DAN BANTUAN

Hadirin yang dimuliakan,

10. Sebagai sebuah agensi di bawah KPLB yang telah ditubuhkan sejak tahun 1973, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah atau lebih

dikenali sebagai KETENGAH berperanan menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial penduduk di kawasan luar bandar khususnya di bawah wilayahnya.

11. Sepanjang 47 tahun penubuhannya, KETENGAH telah berjaya merealisasikan impian rakyat terutamanya penduduk di kawasan luar bandar dengan memfokuskan kepada bidang keusahawanan, pendidikan, pelancongan dan pelaburan.
12. Melalui peranan yang dimainkan oleh agensi ini, ia sekaligus telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup penduduk luar bandar dan mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.
13. Tidak hanya tertumpu kepada peranan yang dinyatakan tadi, KETENGAH turut melaksanakan tanggungjawab sosial korporat

(CSR) bagi membantu mereka yang memerlukan di wilayah berkenaan.

14. Ketengah Holding Sdn. Bhd. (KHSB), sebuah anak syarikat milik KETENGAH misalnya, telah memperuntukan sebanyak RM3 juta bagi melaksanakan CSR syarikat mereka dengan menyediakan bantuan dan sumbangan kepada orang miskin dan anak-anak yatim setelah syarikat berkenaan berjaya merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM67.5 juta bagi tempoh 8 bulan pertama tahun ini.

15. Bantuan yang saya maklumkan itu tadi adalah antara tanggungjawab yang sedang digalas oleh pihak KETENGAH kepada masyarakat setempat dalam membangunkan kawasan di bawahnya.

16. Malah program yang dianjurkan pada hari ini juga bertujuan untuk menyampaikan sumbangan dan geran hakmilik kepada peserta program pembangunan KETENGAH.
17. Apa yang lebih menarik, saya turut dikhabarkan akan ada berita gembira oleh YAB Perdana Menteri kepada penduduk Wilayah KETENGAH ini. Diharapkan pengumuman ini akan melegakan penduduk yang kini terbeban dengan masalah kewangan dan sumber pendapatan akibat ketidaktentuan ekonomi kini.

BAJET 2023 FOKUS LUAR BANDAR

Tuan / Puan yang saya hormati sekalian,

18. Sebagai seorang yang berasal dari kawasan luar bandar, saya yakin dan percaya YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob sentiasa merasai denyut nadi rakyat dan sentiasa mendengar

keluh kesah Keluarga Malaysia khususnya ketika negara dalam usaha bangkit semula bagi memperkukuhkan ekonomi setelah terkesan akibat Covid19 dan peperangan antara Rusia dan Ukraine.

19. Ini terbukti apabila baru-baru ini Kerajaan Keluarga Malaysia di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah membentangkan peruntukan Bajet 2023 kepada KPLB iaitu sebanyak RM10.93 bilion. Jumlah ini meliputi RM3.62 bilion peruntukan mengurus dan RM7.31 bilion bagi peruntukan pembangunan. Peruntukan berkenaan telah meningkat sebanyak 4% atau hampir RM424.9 juta berbanding tahun 2022.
20. Kenaikan ini menunjukkan komitmen kerajaan Keluarga Malaysia melaksanakan agenda kesejahteraan rakyat di luar bandar. Ia

merupakan bajet yang inklusif dan menyeluruh dalam memastikan tiada golongan yang tertinggal termasuk B40 dan warga luar bandar.

21. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan mewakili keluarga besar KPLB kepada YAB Perdana Menteri atas kenaikan peruntukan ini. Melalui kenaikan tersebut, jelas membuktikan KPLB masih relevan untuk terus memajukan kawasan luar bandar sebagaimana Program Kampung Sejahtera.

KAMPUNG SEJAHTERA

Hadirin dan hadirat sekalian,

22. Bercakap mengenai Kampung Sejahtera, ia merupakan konsep ikonik yang dibangunkan oleh KPLB bagi mencapai aspirasi luar bandar sejahtera ke arah mewujudkan komuniti kampung yang berdaya tahan, berinisiatif, berdikari dan berilmu.

23. Melalui konsep yang berpacukan komuniti ini, ia akan menjadikan kampung-kampung di Malaysia bersih dan cantik seperti kawasan peranginan.
24. Bukan hanya memastikan lanskap yang menarik dan terjaga, Kampung Sejahtera juga dilihat dapat melonjak pembangunan kawasan luar bandar seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat kampung khususnya aspek ekonomi selain memastikan semua kampung mencapai aspirasi yang dirumus dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) iaitu Luar Bandar yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik menjelang 2030.
25. Berdasarkan data sumber PlanMalaysia dan KPLB, ketika ini Malaysia dicatatkan mempunyai 28,303 kampung meliputi 19,447 kampung di Semenanjung Malaysia, 5,976 kampung di Sarawak, 2,853 kampung di Sabah dan 27 kampung di Labuan.

26. Daripada jumlah berkenaan, saya mengharapkan Kampung Sejahtera akan dapat mengubah lanskap dan imej kampung sediakala kepada kawasan *resort* yang dapat menarik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara.
27. Justeru kepada kampung-kampung di Terengganu khususnya yang berada di wilayah KETENGAH ini, saya menyarankan agar menggunakan agensi ini dengan sebaiknya dalam merealisasikan kampung yang dapat menjana pendapatan penduduk sekaligus mensejahterakan kawasan kampung masing-masing.

PENUTUP

28. Sebelum mengakhiri ucapan pada hari ini saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail

Sabri bin Yaakob di atas kesudian hadir ke program pada hari ini.

29. Terima kasih juga kepada semua yang telah datang dari jauh dan dekat ke program pada hari ini. Kehadiran semua pada pagi ini menggambarkan sokongan padu kepada kerajaan khususnya kepada YAB Perdana Menteri.

30. Semoga perhimpunan ini memperoleh keberkatan dari-Nya dan memberi impak yang akhirnya diterjemahkan dalam bentuk pembangunan luar bandar yang memberi manfaat kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat.

Sehingga itu sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.